

Penerangan mengenai banci kepada ketua jabatan

TEKUN. Seramai 300 kakitangan kerajaan terdiri daripada ketua-ketua jabatan menghadiri sesi penerangan sempena pelancaran Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 peringkat Perlis di Dewan Wawasan, Kangar baru-baru ini.

Sesi penerangan tersebut dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan.

Tujuan majlis penerangan itu diadakan

adalah bagi meminta kerjasama daripada agensi kerajaan lain dalam membantu melancarkan usaha 21 orang petugas banci mengumpulkan data penduduk dan perumahan di Perlis.

Hadir merasmikan majlis tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pelancongan dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Ahmad Bakri Ali.



SEBAHAGIAN daripada ketua-ketua jabatan dan kakitangan awam yang hadir pada majlis pelancaran Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia di Kangar, Perlis baru-baru ini.